

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
3-5	INSTITUSI TVET AMBIL 120 000 PELAJAR TAHUN DEPAN	3 MEI 2024	BH ONLINE
4-8	FAKULTI AI PERTAMA NEGARA DIRASMIKAN 10 MEI INI	4 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
9-11	FAKULTI AI PERTAMA NEGARA DIRASMIKAN 10 MEI INI	10 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
12	ILMU BIAR SENTIASA RELEVAN	10 MEI 2024	MY METRO
13-14	PELAKSANAAN PROGRAM TVET KEKAL DIKENDALI 12 KEMENTERIAN	12 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
15-16	PENCALONAN ATABM 2024 DIBUKA HARI INI	13 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
17-19	30 CEO INSTITUSI TVET SWASTA KE CHINA DEKATI INOVASI	13 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
20-21	POLITEKNIK KOTA BHARU CATAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN LEBIH 95 PERATUS	16 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
22-24	189 SRN DIDAFTRAKAN DI IPT, PERKASA PENGHAYATAN RUKUN NEGARA GENERASI MUDA	16 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
25-27	MALAYSIA DAN HONGKONG SETUJU MANFAATKAN ASPEK EKONOMI, TVET	23 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
28-30	GOLONGAN BELIA DIGALAK TIMBA ILMU DI CHINA	26 MEI 2024	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
31-33	LEPASAN SPM DISARAN SAMBUNG PENGAJIAN DALAM TVET	27 MEI 2024	BERNAMA ONLINE
34-38	DASAR TVET NEGARA SERAMPANG DUA MATA PEMBANGUNAN BELIA	28 MEI 2024	BH ONLINE

BERITA HARIAN

3 MEI 2024

BH ONLINE | INSTITUSI TVET AMBIL 120 000 PELAJAR TAHUN DEPAN

Institusi TVET ambil 120,000 pelajar tahun depan

Oleh Samadi Ahmad - Mei 3, 2024 @ 3:53pm

bhnews@bh.com.my



PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan Tinggi bercadang mengambil 120,000 pelajar dalam bidang teknologi tahun depan bagi menangani kekurangan jurutera di negara ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr Mohd Zahari Ismail, berkata, institusi Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kini penyumbang terbesar kepada tenaga kerja iaitu melebihi 40 peratus.

Menurutnya, institusi itu membabitkan kolej komuniti, politeknik dan Rangkaian Universiti universiti Teknikal Malaysia (MTUN) membabitkan empat universiti teknikal iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMP).

"Bidang yang difokuskan ialah 'high TVET' bagi melahirkan jurutera profesional dalam bidang yang diperlukan negara seperti yang disebutkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu bidang kecerdasan buatan (AI), robotik dan 'cloud computing,'" katanya di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) kementerian itu, Mohamad Azhan Md Amir.

Mohd Zahari berkata, institusi TVET sentiasa meneroka bidang baharu ketika ini sedang memperkemas program di kolej komuniti, politeknik dan MTUN.

Menurutnya, institusi itu memperkenalkan program asasi TVET pada 2023 dan program itu diperkemas tahun ini melalui program asasi teknologi TVET, iaitu bilangan institusi yang terlibat akan ditambah.

"Saya yakin hasrat 30,000 jurutera yang diperlukan oleh negara ini akan dapat dilaksanakan kerana misi dan visi kita menyasarkan seramai 300,000 jumlah pelajar berada di dalam kampus sama ada di politeknik, kolej komuniti dan MTUN menjelang 2030," katanya.

Mohd Zahari menambah, kerajaan juga sudah meluluskan pembinaan Politeknik Kota Belud, Sabah menjadikan 37 politeknik di seluruh negara.

Menurutnya, institusi TVET kementerian itu akan menawarkan program dengan kerjasama industri seperti pendekatan Kolej Teknologi Jepun.

"Model ini membolehkan pelajar berusia 16 tahun dilatih dan kemudian terus diserap dalam industri,"katanya.

BERNAMA

4 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | FAKULTI AI PERTAMA NEGARA DIRASMIKAN 10 MEI INI

FAKULTI AI PERTAMA NEGARA DIRASMIKAN 10 MEI INI – ZAMBRY

🕒 04/05/2024 08:34 PM



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Majlis Perasmian

Jom Masuk U 2024 Zon Tengah 1

Disempurnakan oleh:
YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir
Menteri Pendidikan Tinggi

4 Mei 2024 | 11.00 pagi
Dewan Ibnu Al-Khatib,
UiTM Cawangan Perak

PARIT, 4 Mei (Bernama) -- Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) pertama negara ini bakal dirasmikan 10 Mei ini, kata Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir

Beliau berkata acara perasmianya akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur dan dijangka disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Di peringkat permulaan, Fakulti Kecerdasan Buatan bermula di UTM (Universiti Teknologi Malaysia) dan ada juga konsortium dengan universiti yang lain juga.

"Ini sebagai permulaan kerana kalau kita mahu jadikan fakulti itu (AI) benar-benar fakulti yang mempunyai kualiti yang baik kita boleh mendapatkan kepakaran-kepakaran yang ada di universiti lain untuk turut bersama menjayakan penubuhan fakulti ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Jom Masuk U (JMU) 2024 di Universiti Teknologi Mara kampus cawangan Seri Iskandar di sini hari ini.

Sebelum ini, Zambry dilaporkan berkata sebagai permulaan, program Ijazah Sarjana Muda AI telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) pada Januari lepas dan pelajar kohort pertama program itu akan memulakan pengajian Oktober ini.

Beliau berkata pembangunan dan kokurikulum AI telah dikenal pasti menepati keperluan industri, melibatkan pakar-pakar bidang AI serta seiring dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 yang dirangka oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Sementara itu, Zambry berkata penganjuran JMU 2024 bertujuan mempromosi maklumat mengenai program pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merangkumi universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik, Kolej Komuniti serta penglibatan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Beliau berkata JMU 2024 diadakan di 10 zon antaranya di Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, UiTM cawangan Sabah dan Sarawak serta Universiti Malaysia Perlis bermula hari ini hingga 9 Jun depan.

-- BERNAMA

BERNAMA

10 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | AIRASIA TERUS SOKONG INISIATIF FLYSISWA, PERMOHONAN BAUCAR KINI DIBUKA

AIRASIA TERUS SOKONG INISIATIF FLYSISWA, PERMOHONAN BAUCAR KINI DIBUKA

🕒 10/05/2024 08:06 PM



KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- AirAsia berbangga untuk terus menyokong inisiatif FLYsiswa yang menawarkan subsidi tiket penerbangan domestik kepada pelajar universiti awam, yang disambung semula bermula bulan ini.

Ketua Pegawai Komersial Kumpulan AirAsia Paul Caroll berkata dengan penambahan penerbangan antara Pulau Pinang dan Kuching serta Pulau Pinang dan Kota Kinabalu pada Mac, pelajar kini mempunyai akses ke 47 laluan di seluruh rangkaian domestik syarikat penerbangan itu, menghubungkan Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Kami berbesar hati untuk terus menyokong inisiatif FLYsiswa oleh kerajaan tahun ini dan pada 2023, kami telah menerbangkan lebih 90 peratus daripada 24,730 pelajar yang menebus baucar dengan AirAsia, ke kampung halaman mereka.

"Sejajar dengan slogan 'Kini Sesiapapun Boleh Terbang', kami memahami kepentingan sambungan rangkaian dengan tambang berpatutan terutamanya bagi pelajar dan berbesar hati kerana dapat memainkan peranan dalam memudahkan perjalanan mereka," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata inisiatif itu tersedia untuk semua pelajar pendidikan tinggi di universiti awam di Malaysia termasuk politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta kolej matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan (KPM).

Caroll berkata pelajar digalakkan memeriksa kelayakan mereka berdasarkan kriteria ditetapkan Kementerian Pengangkutan.

"Semua pelajar yang layak berhak menerima baucar bernilai RM300 dan mereka yang tidak memenuhi kriteria boleh membuat rayuan kepada KPT atau KPM melalui institusi masing-masing.

"Baucar RM300 akan berfungsi sebagai kredit yang boleh digunakan untuk penebusan sehingga nilai subsidi itu habis digunakan sepenuhnya," katanya.

Inisiatif FLYsiswa kata Caroll, kini dibuka untuk permohonan hingga 30 Nov ini.

"Pelajar boleh menggunakan baucar mereka serta-merta selepas penebusan berjaya hingga 31 Dis 2024 dengan tempoh perjalanan hingga 31 Dis 2025.

"Proses permohonan boleh dibuat dengan beberapa langkah mudah iaitu menekan butang 'Tebus Sekarang' melalui airasia.com/aa/flysiswa dan bagi proses penebusan, hanya masukkan nombor baucar pada halaman pembayaran untuk tempahan penerbangan," katanya.

Inisiatif FLYsiswa oleh Kementerian Pengangkutan mula dilaksanakan pada 15 Ogos 2023 dan berakhir pada 31 Dis 2023, bagaimanapun bantuan itu disambung semula bermula 2 Mei lepas.

-- BERNAMA

METRO

10 MEI 2024

MY METRO | ILMU BIAR SENTIASA RELEVAN

Ilmu biar sentiasa relevan

Dr Nor Hazrul Mohd Salleh



BERNAMA

12 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | PELAKSANAAN PROGRAM TVET KEKAL DIKENDALI 12 KEMENTERIAN

PELAKSANAAN PROGRAM TVET KEKAL DIKENDALI 12 KEMENTERIAN – AHMAD ZAHID

🕒 12/05/2024 04:49 PM



BAGAN DATUK, 12 Mei (Bernama) -- Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dilaksanakan dengan kerjasama 12 kementerian dan agensi kerajaan perlu dikekalkan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata Jawatankuasa Majlis TVET Negara yang dipengeruskannya telah menyelaraskan program berkenaan agar tidak berlaku pertindihan peranan.

"Biarlah ia berjalan mengikut acuan sekarang. Tidak perlu dikurangkan, di bawah KKDW khususnya di bawah MARA, kebolehpasaran graduan TVET semakin meningkat.

"Kita juga ada MTUN (Jaringan Universiti Teknikal Malaysia) yang memastikan kursus-kursus ditawarkan sentiasa memenuhi kehendak pasaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Tahunan UMNO Cawangan-cawangan Empat Peringkat Dalam Bahagian Bagan Datuk 2024 di Kompleks UMNO Bagan Datuk di sini hari ini.

Baru-baru ini, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK) bagi Pembinaan Negara Bangsa, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia mencadangkan Program TVET yang dikendalikan oleh 12 kementerian dan agensi kerajaan dihadkan kepada tiga sahaja.

Pengerusnya Saifuddin Abdullah berkata 12 kementerian dan agensi untuk menjaga TVET terlalu banyak dan akan menimbulkan pelbagai isu termasuk tidak semua institusi itu menggunakan akreditasi yang ditentukan oleh Majlis TVET Kebangsaan.

BERNAMA

13 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | PENCALONAN ATABM 2024 DIBUKA HARI INI

PENCALONAN ATABM 2024 DIBUKA HARI INI - KPT

🕒 13/05/2024 05:49 PM



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PUTRAJAYA, 13 Mei (Bernama) -- Permohonan pencalonan Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu (ATABM) 2024 dan Anugerah Tokoh Harapan Akademik Bahasa Melayu (ATHABM) 2024 dibuka secara rasmi mulai hari ini hingga 12 Julai.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan pihak kementerian turut membuka permohonan bagi Anugerah Tokoh Bahasa Melayu Sektor Teknikal (ATBMST) 2024 yang dikhususkan bagi mengiktiraf ahli akademik yang memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang teknikal di peringkat politeknik dan kolej komuniti.

Menurut KPT, anugerah tahunan berprestij itu diadakan bagi mengiktiraf usaha ahli akademik merentasi universiti awam dan institusi pendidikan tinggi di seluruh negara yang telah mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai wahana penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan khidmat ikhtisas kepada masyarakat dalam pelbagai bidang ilmu merangkumi Sains Sosial serta Sains dan Teknologi.

Kenyataan itu memberitahu pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM30,000 menerusi kategori ATABM 2024, manakala bagi ATHABM 2024 dan ATBMST 2024 pula setiap pemenang akan menerima RM5,000 termasuk piala iringan dan sijil.

"Melalui penganugerahan ini, KPT akan terus komited dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan akan kekal memartabatkannya sebagai wahana pembangunan ilmu, penyampaian maklumat dan komunikasi di Malaysia," menurut KPT.

Sejak penganjuran sulungnya pada 2012, sebanyak 10 tokoh akademik telah dinobatkan sebagai penerima ATABM.

BERNAMA

13 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | 30 CEO INSTITUSI TVET SWASTA KE CHINA DEKATI INOVASI

30 CEO INSTITUSI TVET SWASTA KE CHINA DEKATI INOVASI

© 13/05/2024 11:21 PM



KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Sebanyak 30 Ketua Pegawai Eksekutif institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) swasta berlepas ke Chengdu, China hari ini bagi melihat lebih dekat inovasi dan kejayaan bidang berkenaan di negara itu.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (Belia Mahir) Mohammad Rizan Hassan berkata lawatan komprehensif dan penandaarasan TVET selama enam hari itu bertujuan mendapatkan pandangan dengan penggubal dasar, pendidik dan pihak berkepentingan industri di negara berkenaan.

"Lawatan ini sebahagian daripada inisiatif Belia Mahir dengan kerjasama TANG International Education Group (China) dalam menyokong usaha kerajaan untuk menubuhkan Malaysia-China Institute (MCI).

"... dengan mencontohi amalan terbaik China, kita boleh mengukuhkan program TVET di Malaysia dan menyediakan individu dengan lebih baik untuk tuntutan tempat kerja moden," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohammad Rizan berkata kesemua institusi TVET terlibat yang bernaung di bawah Persekutuan Pusat Bertauliah (FeMAC), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia juga akan menandatangani memorandum persefahaman dengan lima institusi di China bagi menerokai pelbagai bidang termasuk telekomunikasi, pertanian moden, pembinaan, kecerdasan buatan, Internet benda (IoT), teknologi kereta api, solar, robotik dan mekanikal.

Pengerusi Lembaga Penasihat MCI Manndzri Nasib dalam kenyataan sama berkata lawatan berkenaan penting untuk menggalakkan penglibatan institusi TVET swasta menerokai amalan inovatif institusi TVET di China.

“Dengan menanda aras inisiatif TVET di China, pemain TVET tempatan boleh menyasarkan untuk mendapatkan pandangan yang boleh digunakan secara global untuk meningkatkan pembangunan tenaga kerja dan sistem pendidikan,” katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

16 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | POLITEKNIK KOTA BHARU CATAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN LEBIH 95 PERATUS

POLITEKNIK KOTA BHARU CATAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN LEBIH 95 PERATUS

🕒 16/05/2024 11:40 AM



--foto FB Politeknik Kota Bharu

KOTA BHARU, 16 Mei (Bernama) -- Politeknik Kota Bharu (PKB) mencatatkan kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melebihi 95 peratus untuk tempoh tiga tahun berturut-turut sejak 2020.

Pengarahnya Mohd Fikri Ismail berkata kebolehpasaran graduan PKB pada 2020 adalah sebanyak 97.2 peratus, meningkat kepada 95 peratus (2021) dan 98.3 peratus (2022).

Beliau berkata kejayaan ini merupakan pencapaian besar kerana mampu mengekalkan peratus kebolehpasaran graduan nasional dalam kelompok tertinggi berbanding institusi TVET di 12 kementerian lain bernaung di bawah Majlis TVET Negara (MTVET).

"Kita harap kejayaan ini akan mendorong lebih ramai pelajar menyambung pelajaran di PKB dalam usaha kita meningkatkan graduan TVET yang akan menyumbang khidmat kepada negara," katanya kepada Bernama pada Program Penutup Karnival TVET 2024 @ POLYCC Zon Kelantan Terengganu di sini.

Mohd Fikri yang juga Pengerusi POLYCC Zon Kelantan dan Terengganu berkata 900,000 graduan TVET dari seluruh politeknik telah dihasilkan dalam tempoh 55 tahun penubuhannya.

"Dalam konteks PKB kita sasarkan 1,600 pelajar akan menyambung pengajian di institusi ini bagi kemasukan Julai depan," katanya.

BERNAMA

16 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | 189 SRN DIDAFTARKAN DI IPT, PERKASA PENGHAYATAN RUKUN NEGARA GENERASI MUDA

189 SRN DIDAFTARKAN DI IPT, PERKASA PENGHAYATAN RUKUN NEGARA GENERASI MUDA

🕒 16/05/2024 05:44 PM



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (tiga, kiri) menyampaikan hadiah pendebat terbaik akhir kepada penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nur Rasyiqah Uningkutti (dua, kiri) pada Majlis Penutupan Pertandingan Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara 2024, hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Senator Saraswathy Kandasami (kiri). -- fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

SHAH ALAM, 16 Mei (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara komited meningkatkan dan memperkasakan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan generasi muda melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif termasuk penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pendidikan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata setakat ini sebanyak 189 SRN telah didaftarkan di institusi pendidikan tinggi (IPT) seluruh negara, antara lain berperanan sebagai platform integrasi nasional di peringkat institusi masing-masing.

"Daripada jumlah itu sebanyak 30 SRN berdaftar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), 36 di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik (28), Kolej Matrikulasi (17), Kolej Komuniti (51) dan 27 di kampus Institut Pendidikan Guru (IPG).

"Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program penghayatan Rukun Negara di peringkat IPT seperti Debat Perpaduan, 'chit chat' belia, Jalinan Integrasi Nasional dan Raja Kita Payung Kita," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penutup Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara 2024 di sini hari ini.

Bagi menyemarakkan pelaksanaan aktiviti SRN di IPT, Aaron yang juga Ahli Parlimen Kanowit berkata kementerian telah memberikan peruntukan sebanyak RM3,000 kepada semua SRN untuk melaksanakan Eksplorasi Rukun Negara di institusi pendidikan masing-masing.

Mengenai Debat Perpaduan, beliau berkata pelaksanaan program itu adalah selaras dengan komitmen dan objektif Dasar Perpaduan Negara yang bertujuan memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat.

"Program ini diharap dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan keutuhan dalam aspek kenegaraan dan perpaduan berteraskan penghayatan kepada prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Terdahulu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dinobatkan sebagai johan Debat Perpaduan Negara Piala Menteri Perpaduan 2024 selepas menewaskan pasukan Universiti Malaya (UM) di peringkat akhir, sekali gus membawa pulang wang tunai RM20,000 termasuk geran SRN berjumlah RM10,000, piala pusingan serta sijil penyertaan.

-- BERNAMA

BERNAMA

23 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA DAN HONGKONG SETUJU MANFAATKAN ASPEK EKONOMI, TVET

MALAYSIA DAN HONG KONG SETUJU MANFAATKAN ASPEK EKONOMI, TVET

🕒 23/05/2024 11:07 PM

Di Hong Kong beberapa politeknik dan sekolah teknikal TVET ini sangat berjaya dalam mengendalikan kursus terutama dalam bidang baharu yang juga sedang diterokai dan dimulakan di Malaysia.

Mereka sedia untuk membantu dengan memulakan latihan untuk pengajar (training for trainers) iaitu hantar tenaga pengajar kita bagi mendapatkan latihan di Hong Kong dan diikuti juga dengan program pertukaran pelajar.

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri



HONG KONG, 23 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Hong Kong telah mencapai beberapa persetujuan antaranya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan ekonomi bagi manfaat kedua-dua pihak.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata perkara itu dicapai semasa pertemuannya bersama Ketua Eksekutif dari Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (HKSAR) John Lee Ka Chiu, di sini hari ini.

Ahmad Zahid kini dalam lawatan rasmi pertama ke China sejak memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada Disember 2022 dan lawatan itu, yang bermula semalam hingga 1 Jun ini, adalah atas jemputan Naib Perdana Menteri China Ding Xuexiang.

"Di Hong Kong beberapa politeknik dan sekolah teknikal TVET ini sangat berjaya dalam mengendalikan kursus terutama dalam bidang baharu yang juga sedang diterokai dan dimulakan di Malaysia.

"Mereka sedia untuk membantu dengan memulakan latihan untuk pengajar (*training for trainers*) iaitu hantar tenaga pengajar kita bagi mendapatkan latihan di Hong Kong dan diikuti juga dengan program

Beliau berkata ketika ini terdapat seramai 500 pelajar Malaysia sedang melanjutkan pelajaran di universiti di Hong Kong, dengan 95 peratus daripadanya merupakan penerima biasiswa.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata turut dibincangkan penubuhan sebuah pejabat perdagangan dan ekonomi oleh kerajaan Hong Kong di Kuala Lumpur, selain usaha meningkatkan penglibatan pengurus dana dari Wilayah Pentadbiran Khas itu memasuki pasaran saham Malaysia.

“Mereka telah bersetuju dengan penubuhan sebuah pejabat perdagangan dan ekonomi di Kuala Lumpur dan tujuannya adalah untuk memudahkan urusan niaga, soal pentadbiran dan soal berkaitan kewangan di Malaysia kerana di Hong Kong kita (Malaysia) mempunyai pejabat konsulat jeneral yang (ditubuhkan bagi) mempermudah semua urusan.

“Setelah lebih setahun setengah kerajaan MADANI mentadbir negara ini, kita lihat bahawa tahap keyakinan dan sentimen kebolehpasaran itu meningkat dan saya mengambil peluang untuk mengajak pengurus dana di Hong Kong untuk turut serta merencanakan transaksi urusan niaga di Bursa Saham kita,” katanya.

Dalam pertemuan itu, Ahmad Zahid berkata aspek pelancongan turut disentuh dan kerajaan akan menambah jumlah penerbangan buat pelancong Hong Kong ke Malaysia.

“Terdapat peningkatan lebih 1,200 peratus pelancong daripada Hong Kong ke Malaysia. Pelancong ini bukan hanya ke Kuala Lumpur sahaja, tetapi juga ke Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak...maka tiga syarikat penerbangan (Hong Kong) telah memulakan penerbangan ini.

“Saya telah minta diberikan kemudahan untuk menambahkan penerbangan dan ia sedang ditangani oleh MOTAC (Kementerian Pelancong, Seni dan Budaya) dan MoT (Kementerian Pengangkutan),” katanya.

Ahmad Zahid berkata turut disentuh adalah mengenai pelancongan Islamik serta industri halal.

“Saya beri beberapa indikasi untuk bantu mereka terutama melalui persatuan-persatuan Muslim di Hong Kong untuk pensijilan halal yang dapat kita bantu mereka dan tindakan susulan dapat dilakukan Halal Development Corporation (Berhad) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,” katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

26 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | GOLONGAN BELIA DIGALAK TIMBA ILMU DI CHINA

GOLONGAN BELIA DIGALAK TIMBA ILMU DI CHINA – AHMAD ZAHID

🕒 26/05/2024 06:07 PM



SHANGHAI, 26 Mei -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tengah) yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah bergambar kenangan bersama pelajar Malaysia pada Majlis Ramah Mesra Bersama Komuniti Rakyat Malaysia dan Pelajar Malaysia di Shanghai hari ini. --fotobERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

SHANGHAI, 26 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menggesa golongan belia agar mengambil peluang dan menyambung pengajian mereka di China bagi memperoleh ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang terutama teknologi dari republik itu.

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu berkata ini kerana China memiliki kelebihan dalam aspek teknologi tinggi yang harus dipelajari seterusnya dimanfaatkan untuk pembangunan Malaysia.

"Apa yang penting ialah kita dapat menimba ilmu serta teknologi dari kolej dan universiti di China untuk dibawa pulang ke tanah air bukan sahaja untuk kebaikan sendiri tetapi juga negara secara keseluruhan," katanya ketika berucap pada majlis makan tengah hari dengan komuniti dan pelajar Malaysia di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Luar Datuk Mohamad Alamin, Konsul Jeneral Malaysia di Shanghai Syed Farizal Aminy Syed Mohamad dan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Justeru itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Negara meminta semua pihak berkaitan pendidikan tinggi termasuk MARA agar lebih proaktif dalam menggalakkan pelajar Malaysia menuntut ilmu di China.

"Bermula tahun ini, saya ingin membuka peluang kepada para pelajar MARA, khususnya GiatMara, dan UniKL (Universiti Kuala Lumpur) untuk melanjutkan pengajian mereka di China.

"Saya ingin melihat pencapaian para pelajar kita... China maju dari segi teknologi tinggi dan mereka amat terbuka untuk berkongsi ilmu serta teknologi terutama dengan kita (Malaysia)... justeru itu, saya ingin menggesa Pengerusi MARA agar membuka minda dan persepsi ibu bapa terutama Bumiputera untuk menghantar anak mereka menimba ilmu di China," katanya.

Menurut statistik Kementerian Pendidikan Tinggi, seramai 5,697 pelajar Malaysia menuntut di China setakat ini termasuk 1,425 orang di Beijing, Zhejiang (933), Fujian (735) dan Shanghai (626).

Ahmad Zahid kini dalam rangka lawatan rasmi pertama ke China sejak beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada Disember 2022 dan lawatan selama 11 hari bermula 22 Mei lepas itu adalah atas jemputan Naib Perdana Menteri China Ding Xuexiang.

Malaysia dan China menjalin hubungan dua hala secara rasmi pada 31 Mei 1974 dan ini adalah lawatan pertukaran pemimpin tertinggi masing-masing sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik kedua-dua negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

27 MEI 2024

BERNAMA ONLINE | LEPASAN SPM DISARAN SAMBUNG PENGAJIAN DALAM TVET

LEPASAN SPM DISARAN SAMBUNG PENGAJIAN DALAM TVET – AHMAD ZAHID

🕒 27/05/2024 06:31 PM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ketika sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama (MOA) antara MARA Liner Sdn Bhd dengan SKS Coach Builders pada Majlis Perjanjian Persefahaman (MOU) di hotel penginapannya.

SHANGHAI, 27 Mei (Bernama) -- Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) wajar mempertimbangkan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sebagai pilihan, untuk menyambung pengajian di peringkat tinggi, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa TVET Negara berkata saranan tersebut dibuat dengan mengambil kira keperluan negara, untuk menghasilkan lebih banyak tenaga kerja mahir pada masa hadapan.

"Saya mengucapkan tahniah kepada lebih 11,000 lulusan SPM yang mendapat keputusan cemerlang dalam semua mata pelajaran. Namun, lulusan SPM yang tidak dapat semua A...dunia belum berakhir dan peluang pendidikan akademik masih terbuka luas.

"Mereka boleh ceburi bidang profesional, tetapi yang lebih penting negara kita memerlukan tenaga berkejuruan atau pekerja mahir dan TVET adalah jawapannya," kata beliau kepada media Malaysia di sini, hari ini.

Beliau mengulas keputusan SPM 2023 yang menyaksikan 11,713 calon memperoleh keputusan cemerlang iaitu Gred A+, A dan A- dalam semua subjek berbanding 10,109 calon pada 2022, sekali gus mencatat pencapaian lebih baik dengan Gred Purata Nasional (GPN) 4.60 berbanding 4.74 pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata golongan ibu bapa ketika ini juga dilihat lebih terbuka, dengan menggalakkan anak mereka untuk menjalani kursus TVET.

Beliau berkata ini didorong oleh faktor kerjaya dalam sektor TVET, menawarkan kadar gaji premium yang lebih menarik, selain masa depan lebih cerah.

“Ini kerana mereka (pelajar TVET) tidak terhenti dalam bidang pendidikan selepas mereka memasuki alam kerjaya. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan beberapa Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) misalnya, menawarkan kursus terus ke (peringkat) ijazah tanpa memerlukan (keputusan) SPM yang baik.

“Kita juga sudah mengatur beberapa kursus khas dengan 70 peratus kaedah pembelajaran dibuat di bengkel dan makmal, manakala hanya 30 peratus di bilik kuliah dan ini amat menarik kepada pelajar berkenaan,” katanya.

-- BERNAMA

BERITA HARIAN

28 MEI 2024

BH ONLINE | DASAR TVET NEGARA SERAMPANG DUA MATA PEMBANGUNAN BELIA

Dasar TVET Negara serampang dua mata pembangunan belia

Oleh [Suzalina Halid](#) - Mei 28, 2024 @ 12:31pm
suzalina@bh.com.my



Foto hiasan. - Bernama

Rutin menghantar kereta bagi menukar minyak enjin ke bengkel berhampiran kediaman bulan lalu, memberi peluang penulis berbual dengan seorang mekanik berusia belasan tahun bekerja di situ.

Dalam perbualan pendek kami, anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) itu mengakui amat meminati bidang automotif dan bercita-cita untuk menguruskan bengkel sendiri satu hari kelak.

Secara spontan, terdetik di hati penulis betapa di luar sana pasti ramai anak muda sepertinya yang meminati kerja bersifat 'hands on', iaitu tunjang kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Alangkah baiknya jika generasi anak muda itu mendapat pendidikan rasmi menerusi TVET yang boleh meningkatkan kemahirannya dalam bidang automatif, sekali gus merealisasikan impian bergelar usahawan atas usaha, keazaman dan titik peluh sendiri.

Dalam tempoh kurang sebulan lagi, negara bakal mempunyai Dasar TVET Negara 2030 yang berperanan sebagai penyatuan aspirasi dan hala tuju pelaksanaan pendidikan, dengan latihan merentasi pelbagai pemegang taruh.

Dasar TVET Negara akan dilancarkan sempena sambutan Hari TVET Negara yang bakal diadakan pada 7 hingga 8 Jun ini bertempat di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat, Selangor.

Lebih istimewa, dasar kali pertama diperkenalkan itu dijadual dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekali gus mencerminkan kepentingan bidang berkenaan untuk dikembangkan sebagai antara penyumbang pertumbuhan negara dalam masa panjang.

Selepas 60 tahun TVET membangun secara formal di Malaysia, bermula dengan dua institusi awam iaitu ILP Kuala Lumpur dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua, kira-kira 1,345 institusi pendidikan itu kini dijangka dapat dipandu secara lebih lurus dan tersusun melalui dasar terbabit.

Dasar TVET Negara 2030 mengambil kira dasar sedia ada berkaitan dan bakal terangkum sebagai tiang pasak serba kukuh, antaranya Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Tinggi Nasional serta akta sedia seperti Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679).

Ia bermatlamat membawa Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui pelaksanaan program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif.

Semestinya, besar harapan anak muda seperti mekanik ditemui penulis untuk menyumbang kepada kerancangan ekonomi negara melalui kemahiran mereka dalam bidang TVET, berlandaskan platform yang betul.

Tidak hanya anak muda, sandaran tinggi juga diberikan pihak industri melalui penggubalan dasar terbabit apabila mereka juga mahu dibekalkan dengan tenaga kerja berkualiti sebelum ini mungkin wujudnya ketidakpadanan dalam pasaran pekerjaan.

Ia diakui sendiri majikan yang mengharapkan wujud keperluan jelas ke arah meningkatkan kefahaman dan penghayatan potensi graduan TVET dalam sektor swasta.

Ubah persepsi mengenai TVET

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, menjelaskan ia berikutan pengambilan graduan TVET dalam kalangan majikan sektor swasta masih rendah.

Beliau mahu dasar TVET memastikan institusi pendidikan itu menyelaraskan program mereka dengan keperluan semasa dan masa hadapan industri.

"Dengan memupuk perkongsian lebih kukuh antara institusi TVET dan majikan, dasar ini diyakini berupaya memudahkan pembangunan program memberikan kemahiran dan kecekapan berkaitan seperti mana dituntut pasaran kerja.

"Melalui kempen kesedaran dan usaha advokasi, Dasar TVET Negara boleh membantu mengubah persepsi mengenai TVET dan menonjolkan kepentingannya dalam menangani jurang kemahiran, memupuk pertumbuhan ekonomi dan paling utama mengurangkan kadar pengangguran," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengakui dalam konteks ini, Dasar TVET Negara boleh memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan industri di Malaysia dan meningkatkan tenaga kerja tempatan mahir.

TVET menawarkan laluan alternatif berharga untuk pelajar mungkin berdepan cabaran atau berasa tidak cemerlang dalam bidang akademik. TVET menyediakan pilihan berdaya maju untuk mereka meneruskan pendidikan dalam persekitaran pembelajaran yang lebih praktikal.

Hasilnya, TVET memperluaskan kumpulan individu mahir memasuki tenaga kerja serta menyumbang kepada pasaran buruh dengan kepelbagaian kemampuan dan berbakat.

Paling utama, seperti diakui Syed Hussain, anak muda menceburi TVET akan bergerak dalam kelompok benar-benar meminati bidang diceburi dan dengan minat, kebarangkalian untuk mereka mencapai kejayaan adalah lebih besar kerana semuanya dilakukan secara rela.

Ketika ini, kesinambungan usaha memantapkan TVET dilaksanakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahidi yang kini berada di China hingga 1 Jun, antara lain bagi meningkatkan kerjasama TVET bersama negara Tembok Besar itu, membabitkan pertukaran pengetahuan dan amalan terbaik.

Sehingga kini, dilaporkan seramai 850 orang menjalani latihan di beberapa Institusi TVET China dalam bidang seperti teknologi kereta api, robotik, kecerdasan buatan (AI), internet benda (IOT), kenderaan elektrik (EV), multimedia animasi dan e-dagang.

Bagi Presiden Persatuan Jurutera Malaysia, Datuk Feroz Hanif Mohamed Ahmad, pihaknya mahu TVET berperanan bukan sahaja sebagai saluran berkesan memproses dan menghasilkan tenaga mahir tempatan, malahan juga enjin pembangunan negara.

Harapannya, TVET tidak lagi disalah anggap sebagai bidang terakhir yang menjadi pilihan dalam meneruskan pengajian.

"Dalam memenuhi hasrat meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, Malaysia mesti menambah enrolmen dalam TEVT dan meningkatkan kualiti latihan secara keseluruhan.

"Sekiranya perubahan ini tidak dilakukan dengan segera, negara dikhuatiri menjadi tidak kompeten di peringkat global dan akan terus ketinggalan," katanya.

Penulis adalah Wartawan BH